

18/09/1998

Cisco rancang tingkat pelaburan dalam negara

CISCO Systems Inc dari Amerika yakin ekonomi Malaysia akan pulih dan merancang menambah pelaburannya di negara ini.

Presiden dan Ketua Eksekutifnya, John Chambers, membuat ikrar itu selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

Satu kenyataan oleh Apex Communications Sdn Bhd menyebut Chambers sebagai berkata, beliau tertarik dengan wawasan Dr Mahathir untuk negara ini dan tidak mempunyai kesangsian Malaysia kini berada di landasan yang betul ke arah menyertai peserta global dalam era maklumat baru yang sedang muncul.

Chambers berkata, beliau yakin Dr Mahathir akan dapat memulihkan ekonomi dan meletakkan Malaysia ke atas landasan pertumbuhan ekonomi yang lebih besar.

(END)